



**1. PENGAWAS TINGKAT I
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang *Business and Administration / Information Technology / Administration* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengawasi buruh-buruh dan pemandu-pemandu adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawasi kehadiran dan keberadaan kakitangan di bawah jagaan di tempat-tempat yang telah ditentukan.
2. Bertanggungjawab dalam menyelaraskan tugas-tugas kakitangan buruh semasa penerbangan.



3. Mengaturkan dan memastikan kerja-kerja dilaksanakan oleh pekerja di bawah jagaan sentiasa dalam keadaan baik, teratur dan sempurna.
4. Memeriksa kawasan yang berada dalam jagaan.
5. Menghadiri mesyuarat mingguan bagi Hangar 1 dan Hangar 2.
6. Menyediakan minit mesyuarat mingguan dan minit senarai semak setiap minggu.
7. Menghadapkan proses permohonan cuti dan lain-lain bagi kakitangan di bawah jagaan.
8. Memantau dan mengawasi kerja projek-projek berkaitan buruh.
9. Menyemak borang permohonan bagi pengeluaran barang *Expendable stor*.
10. Membuat lawatan ke tempat / kawasan bawah jagaan.
11. Membuat pendekatan dan perbincangan dengan kakitangan bawahan.
12. Menyediakan laporan dan seterusnya menghadapkan sebarang cadangan untuk memperbaiki kepada pihak atasan.
13. Menguruskan prestasi dan membuat penilaian prestasi bagi kakitangan di bawah jagaan.
14. Bersedia bertugas di luar waktu bekerja (*standby*).
15. Menerima dan melaksanakan arahan dari pihak atasan dari semasa ke semasa.